

Baju kurung biru

Aku menghulurkan bungkusan yang cantik dihias kepada Dina, anak kesayanganku. Dia membeliikkan mata sebulat tayar lalu mengulum senyuman mesra. Bunga-bunga kegembiraan mengembang di hatiku apabila melihat anakku begitu ghairah. Dia membuka bungkusan itu dengan perlahan dan mengeluarkan kandungannya. Dia menggenggam baju kurung itu sambil bertentangan mata denganku. Sekaligus, kedua-dua bendungan air mata kami pecah lalu membasahi pipi gebu kami. Dina menuju ke arahku dan memelukku dengan erat. Rasa bangga meruap di dadaku setelah menyaksikan betapa bahagianya Dina semasa menerima baju kurung itu. Namun, pada masa yang sama, hatiku hancur. Kini, jelas terpancar bahawa aku tidak pernah memberinya sebuah hadiah semasa hari jadinya. Aku benci akan keadaan keluargaku ini. Aku rasa malu sekali. Dina ialah satu-satunya pembakar semangat bagiku.

Butir-butir bintang yang menghias dada malam mengerlip cantik. Aku baru menyelesaikan tugasanku sebagai seorang pembersih. Dengan segera, aku beredar dari tempat kerjaku. Ternyata, dalam masa yang singkat, kedai-kedai di Far East Plaza akan menghentikan perniagaan. Oleh yang demikian, aku berlari secepat mungkin ke pusat membeli-belah itu. Aku tetap mehu membeli hadiah Dina hari itu juga. Hari itu hari jadinya. Hari itu sungguh istimewa kepadanya. Aku tidak boleh melepaskan peluang untuk membahagiakannya.

Akibat berlari, degupan jantungku pantas sekali, bagai mahu memecahkan rongga dada. Kedai Encik Ton masih buka! Aku gembira sakan. Beberapa kertas wang digenggam tanganku. Mataku bersinar dan senyuman tipis terukir di bibirku. Aku melangkah masuk ke dalam kedai itu.

“Akhirnya sampai, ya! Selama satu jam aku menunggu kehadiran kamu,” Encik Ton tersengih sambil menyusun kemas baju-bajunya.

Aku menoleh ke arahnya lalu ketawa kecil. Encik Ton memang baik orangnya. Dia peramah dan cuba untuk berkawan dengan kesemua pelanggannya, tidak kisah akan latar belakang kamu. Selanjutnya, aku menuju ke arah baju yang begitu penting kepadaku. Sehelai baju kurung biru. Ia terus menarik hatiku pertama kali aku melihatnya. Ukurannya, coraknya, dan warnanya terutama sekali sesuai benar dengan Dina. Dina sudah lama minat akan warna biru, aku pasti dia akan jatuh cinta dengan baju kurung ini. Akhirnya, tahun ini, aku tidak akan mengecewakannya lagi.

Aku merenung ke arahnya untuk beberapa minit, begitu bangga akan kejayaanku kali ini. Aku berjaya mengumpul cukup duit untuk membeli sesuatu yang indah sempurna untuk Dina. Ini semua bagaikan mimpi bagi diriku.

Saat aku cuba mengambil baju kurung itu dari tempat asalnya, sebuah tangan yang lain mengetis tanganku. Aku tergamam. Seturusnya, beliau merampas baju kurung itu lalu menghembuskan nafasnya. Aku menoleh ke arahnya. Seorang wanita tua yang berpakaian sempurna merenung tajam ke arahku. Beliau memegang beg tangan yang tersohor dan terdapat pelbagai emas yang berlapis-lapis diletakkan di leher dan tangannya. Aku terus melihat ke lantai. Aku sedar aku patut menerangkan kepada situasi dan betapa penting baju kurung biru itu adalah kepadaku.

“Minta maaf, aku telah mengambil baju kurung itu dahulu daripada kamu. Ia amat penting bagiku dan hanya tertinggal satu helai sahaja. Bolehkah kamu memberikannya balik kepadaku?” Aku melihat ke arahnya sambil menerangkan dengan jujur.

Ahh!

Wanita itu menyepak pipiku dengan kuat. Mulutku terkunci. Mengapa beliau berbuat demikian? Wajah wanita itu menjadi semerah padam biji saga. Beliau memandang sinis ke arahku. Matanya bagaikan api terbakar dan dia mencebik mulutnya. Pipiku itu pedih dan bekas tangannya jelas terlukis di pipiku.

“Oi, kamu itu sudah berpakaian selekeh sebegini. Busuk juga. Jangan haraplah mampu membeli baju kurung ini!” tengkar wanita itu sambil meletakkan kedua-dua tangannya di pinggangnya.

Pada seketika itu, aku tiada untuk katakan. Sekali lagi, ak terhina di tempat awam akibat kemiskinanku. Kepiluan mencucuk-cucuk tangkai hatiku. Inilah kehidupan seorang yang miskin. Kami dimaki dan dibenci tidak tentu pasal. Kami digelar nama-nama yang buruk sesuka hati. Air mata jernih membasahi mukaku.

Selama itu, Encik Ton menyaksikan keadaan dalam kedainya itu. Melihat aku menagis teresak-esak di hadapan wanita yang biadap itu membuat dadanya berombak-ombak. Dia merampas baju kurung dari genggamannya wanita itu lalu menghalaukannya keluar. Pada mulanya, wanita itu berhati batu dan enggan

keluar. Encik Ton cuba untuk menelefon polis lalu wanita itu bergegas keluar. Wajah wanita itu menjadi pucat bak mayat.

Encik Ton menghampiriku lalu menghulurkan baju kurung biru itu. Aku berhenti menangis dan mengulum senyuman yang lebar. Aku berasa amat berterima kasih akan perbuatannya itu. Kebaikannya itu mesti aku balas. Aku mengucapkan terima kasih kepadanya berulang kali. Aku seterusnya mengeluarkan wang untuk membayarnya.

Aku keluar dari kedai itu dengan emosi yang haru biru. Aku gembira tidak terkata kerana dapat akhirnya membeli baju kurung itu. Aku tidak gagal untuk membanggakan anakku itu. Walaupun, aku dimalukan dan dihina tadi, aku masih bahagia. Walaupun hatiku luka, aku masih senyum. Aku mampu melupakan semua kecewaan itu untuk Dina. Aku mahu Dina bergembira. Pengorbananku tidak sebanyak derita Dina pernah melalui akibat kemiskinan kita. Aku harap apabila dia sudah dewasa kelak, dia akan berjaya dalam bidang yang dia sukai. Dina tidak akan menghadapi masa-masa sukar. Itulah satu-satunya harapanku. Aku rela untuk buat apa-apa untuk anak kesayanganku ini.

Karya untuk Creative Arts Programme